

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

1. Bagi Rumah MutiaraKu (RMKu) yang dibina di atas tanah sendiri, berapakah subsidi yang dibiayai oleh kerajaan?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Projek Rumah MutiaraKu (RMKu) di Negeri Pulau Pinang dibangunkan di atas tanah milik pemaju menggunakan sumber kewangan pemaju sendiri dan diselia oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) di bawah portfolio Perumahan dan Alam Sekitar.

Walau bagaimanapun, bagi kategori rumah yang dibina di atas tanah milikan sendiri dengan subsidi kerajaan, program tersebut adalah di bawah bidang kuasa Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang berada di bawah pengurusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di peringkat Persekutuan. Di peringkat Negeri Pulau Pinang, urusan penyelarasan dasar dan pelaksanaan berkaitan Kementerian tersebut, khususnya yang melibatkan pihak berkuasa tempatan, adalah di bawah portfolio Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa. Melalui program yang dilaksanakan oleh SPNB, Kerajaan Persekutuan menyalurkan subsidi sebanyak RM20,000 bagi setiap unit rumah yang dibina di atas tanah sendiri di bawah Program Rumah Mesra Rakyat (RMR SPNB).

Oleh yang demikian, tiada subsidi seumpamanya disalurkan di bawah Program Rumah MutiaraKu (RMKu) oleh Kerajaan Negeri bagi rumah yang dibina di atas tanah milikan sendiri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

2. Berapakah jumlah rumah orang tua yang disediakan oleh pihak kerajaan pada masa ini di kawasan Balik Pulau?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Setakat ini tiada rumah orang tua yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri di kawasan Balik Pulau.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

3. Pesakit-pesakit yang menerima rawatan dialisis di bawah seliaan JKM di kawasan Balik Pulau.
  - (a) Berapa ramaikah jumlahnya?
  - (b) Berapakah caj yang dikenakan kepada pesakit dialisis ini?
  - (c) Berapa ramaikah yang telah kembali sembuh?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Mengikut rekod jabatan, tiada pesakit dialisis di Balik Pulau yang berada di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

4. Jalan-jalan di antara Sg Pinang ke Teluk Bahang sering mengalami halangan, terutama pada musim tengkujuh.
- (a) Adakah pemantauan berkala dilakukan terhadap pokok yang boleh tumbang?
  - (b) Adakah pemangkasan berkala dilakukan oleh JKR?
  - (c) Perlukah JKR dan kontraktor menyediakan FRT (fast respond team) untuk menangani isu pada waktu malam?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan pemantauan berkala setiap tiga (3) bulan terhadap pokok-pokok yang berisiko tumbang dan menghalang laluan di jalan-jalan antara Sungai Pinang ke Teluk Bahang.
- (b) Pemangkasan berkala bagi pokok yang berisiko adalah di bawah tanggungjawab MBPP. MBPP melaksanakan pemangkasan secara berkala pada setiap tahun mengikut keadaan kesihatan dan keselamatan pokok serta aduan yang diterima. Tindakan penebangan pokok yang dikenal pasti berisiko mendatangkan bahaya telah dilaksanakan oleh MBPP pada tahun 2024 di sepanjang laluan tersebut.

- (c) MBPP mempunyai Skwad Pantas untuk menguruskan hal kecemasan seperti kejadian pokok tumbang pada waktu malam dengan sokongan daripada agensi lain seperti JKRPP, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Selain itu, JKR Malaysia melalui syarikat lantikan konsesi iaitu THB Maintenance Sdn. Bhd mempunyai pusat operasi yang bersedia 24 jam di Balik Pulau dan akan bertindak dengan pantas sekiranya berlaku halangan dan bencana di sepanjang jalan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

5. Kerajaan Negeri telah meluluskan satu projek jalan baharu iaitu North Coastal Paired Road (NCPR) Pakej 1.
- (a) Difahamkan terdapat halangan dengan penduduk tempatan, apakah situasi pada masa ini, terutamanya isu yang timbul?
  - (b) Kos pembinaan sepanjang 10.61km menelan belanja sebanyak RM2.43 bilion ini tidak termasuk pengambilan tanah, adakah ini tidak terlalu mahal?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Kajian jajaran dan reka bentuk laluan baharu yang dicadangkan telah dikaji secara teliti dan mendalam sebelum pindaan pada sebahagiannya dibuat bagi mengelakkan jajaran tersebut melalui kawasan berkepadatan tinggi di Tanjung Bungah terutamanya yang berhampiran Mar Vista Resort, Twin Towers Condominium, dan Jalan Chee Seng.

Jajaran dan reka bentuk baharu ini mengalihkan titik permulaan jajaran ke kawasan jalan pesisir pantai (coastal road) sebelum disambungkan ke laluan asal sekali gus mengurangkan impak kepada penduduk setempat secara signifikan serta meningkatkan aspek keselamatan dan kemudahan penyuraian trafik di kawasan tersebut.

- (b) Cadangan kos pembinaan tersebut merupakan hasil semakan semula melalui satu sesi Bengkel Analisa Semakan dan Penilaian Anggaran Kos Pembinaan yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai kanan dari Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur serta wakil berkaitan dari pentadbiran Kerajaan Negeri.

Cadangan tersebut berdasarkan kepada penilaian kos asas kontrak pakej 2 yang telah dimeterai pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, sekiranya penilaian mengikut kadar pasaran semasa bahan binaan, tenaga kerja, jentera dan lain-lain berkaitan, maka kos pembinaan dijangka melebihi kos yang dicadangkan selaras dengan peningkatan harga pasaran.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

6. Terdapat jalan-jalan dari Pekan Balik Pulau ke Sg Pinang yang sering berlubang.
- (a) Adakah punca jalan berlubang ini akibat dari paip bocor bawah tanah?
  - (b) Mengapa penampalan yang dilakukan sering bocor semula sehingga mengakibatkan kemalangan?
  - (c) Penampalan oleh pihak PBAPP sering terjadi bocor sehingga 3-4 kali, bilakah paip tersebut dipasang dan penggantian baru?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Kejadian jalan berlubang di kawasan ini adalah disebabkan kebocoran paip air bawah tanah yang melemahkan struktur jalan. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada paip-paip di kawasan ini adalah paip berusia (aged pipes) yang telah dipasang berpuluh tahun dahulu. Paip yang telah uzur ini lebih terdedah kepada kemerosotan (deterioration) dan kegagalan/ kebocoran.
- (b) Kebocoran kepada penampalan yang dilakukan biasanya berpunca daripada beberapa faktor. Antara punca utama adalah seperti berikut:
- (i) Kerja pemadatan (compaction) yang tidak mencukupi dimana bahan tampalan tidak dipadatkan dengan

betul menyebabkan air dan udara masuk dan menjejaskan kekuatan jalan/pavemen;

- (ii) Permukaan lama tidak dibersihkan atau dikeringkan sepenuhnya sebelum ditampal menyebabkan bahan baharu tidak dapat melekat dengan kuat;
- (iv) Kehadiran/kemasukan air ke dalam struktur jalan/pavemen yang melemahkan lapisan asas (base/ sub-base). Apabila kawasan tampalan tersebut dilalui oleh kenderaan, berlakunya pergerakan dan kegagalan struktur yang akan menyebabkan tampalan pecah semula; dan
- (v) Kualiti bahan turapan yang tidak memenuhi spesifikasi iaitu dengan menggunakan bahan berkualiti rendah.

Isu penampalan semula jalan yang dinyatakan berkemungkinan besar merujuk kepada pembaikan sementara (temporary patching) jalan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Pembaikan sementara ini sememangnya tidak direka untuk bertahan lama seperti turapan kekal (permanent road reinstatement) dan boleh rosak jika terdedah kepada trafik berat atau hujan lebat sebelum kerja pembaikan kekal dilaksanakan oleh kontraktor lantikan PBAPP.

- (c) Rangkaian paip air sedia ada di laluan tersebut terdiri daripada pelbagai jenis bahan termasuk *asbestos cement* (AC), *High-Density Polyethylene* (HDPE), *Ductile Iron* (DI), *Mild Steel* (MS) dan *Unplasticized Polyvinyl Chloride* (uPVC) yang telah berusia sehingga 28 tahun. PBAPP sedia maklum akan keadaan paip uzur di laluan ini. Program penggantian paip lama terutamanya paip AC dan paip-paip lain yang dikenal pasti kerap bocor kepada paip baharu yang lebih tahan lasak sedang giat dilaksanakan di seluruh Pulau Pinang secara berfasa. Terkini, PBAPP dalam proses pelantikan perunding bagi projek cadangan penggantian paip air sedia ada HDPE dari persimpangan Sungai Nipah hingga bulatan Hospital Balik Pulau. Projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2027.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

7. Dalam usaha kerajaan untuk menyampaikan subsidi RON95, terdapat golongan yang terpinggir dan dinafikan hak mereka.
- (a) Apakah kerajaan akan menentukan nelayan-nelayan pantai yang tidak mempunyai lesen sampan / bot boleh menikmati subsidi?
  - (b) Adakah pihak Jabatan Perikanan boleh membantu untuk memberikan lesen kepada nelayan-nelayan tersebut?
  - (c) Berapa ramaikah nelayan-nelayan yang telah tamat lesen?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Nelayan tidak berlesen adalah tidak layak menerima insentif dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada golongan nelayan.
- (b) Jabatan Perikanan (DOF) bertanggungjawab untuk mengeluarkan Lesen Sampan Khas (LSK) kepada nelayan yang layak serta memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Pemohon perlu memenuhi kriteria dan lulus semakan dokumentasi, temuduga serta tapisan vesel layak layar.
- (c) DOF telah mengeluarkan surat pembatalan lesen kepada 504 orang nelayan di Negeri Pulau Pinang pada 12 November 2024 atas faktor pemilik lesen tersebut tidak memperbaharui lesen selama tiga (3) tahun berturut-turut.

Selain itu, faktor yang boleh menyebabkan pemilik tamat lesen adalah seperti yang berikut:

- (i) Tempoh tamat lesen tidak melebihi satu (1) tahun dan pembaharuan boleh dibuat dalam masa tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat lesen;
- (ii) Pemilik lesen menarik diri dari menjadi nelayan kerana keluar industri; dan
- (iii) Melakukan kesalahan sehingga lesen digantung dalam tempoh satu (1) tahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

8. Terdapat insiden di mana kontraktor yang bertanggungjawab untuk menuai hasil padi gagal melakukan tanggungjawab.
- (a) Apakah kontraktor yang diamanahkan untuk mengambil padi ini gagal melaksanakan tanggungjawab dan faktor apa?
  - (b) Adakah pihak PPK menentukan sama ada pihak kontraktor mampu melaksanakan tugas mereka sebelum sesuatu tender diberikan?
  - (c) Apakah solusi pihak PPK?

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Insiden dakwaan kegagalan kontraktor jentera menuai hasil telah berlaku pada Musim 1/2025 melibatkan seorang pesawah yang tidak boleh menuai hampir keseluruhan petak sawah manakala empat (4) orang pesawah terpaksa meninggalkan kerja tuaian sekitar 10% petak kerana masalah ini.

Berdasarkan semakan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Pulau Pinang, pesawah tersebut menguruskan aktiviti tuaian sendiri dengan menggunakan perkhidmatan luar sejak beberapa musim yang lalu manakala pesawah lain meneruskan perkhidmatan dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau.

Perjanjian estet padi jelas menyatakan bahawa keperluan kejenteraan ladang adalah melalui PPK Seri Pulau namun tidak menghalang sekiranya peserta ingin menggunakan perkhidmatan luar dengan tanggungjawab sendiri.

Dalam situasi ini pihak kontraktor jentera PPK (bukan kontraktor luar yang diuruskan pesawah sendiri) sebenarnya telah berusaha berkali-kali masuk kedalam petak sawah namun gagal menjalankan operasi penuaian malahan tindakan tersebut telah menyebabkan kerosakan kepada jentuainya.

Faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada permasalahan aktiviti penuaian kali ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Faktor cuaca hujan lebat serta tiupan angin kencang telah berlaku pada tuaian Musim 1/2025 yang menyebabkan pokok padi rebah; dan
- (ii) Keadaan tanah yang jerlus dan bertekstur padat (high soil density) selepas hujan menyukarkan pergerakan jentera tuai.

Walau bagaimanapun, keadaan ini merupakan kes terpencil dan tidak menjejaskan keseluruhan operasi menuai di dalam kawasan PPK Seri Pulau.

- (b) Pelantikan kontraktor jentera menuai di bawah PPK Seri Pulau dilaksanakan melalui proses penilaian dan soal selidik terhadap pesawah di kawasan berkenaan. Berdasarkan laporan dapatan soal selidik yang dijalankan di Balik Pulau, 77% pesawah menyatakan persetujuan dan berpuas hati dengan perkhidmatan kontraktor yang dilantik oleh PPK Seri Pulau.

Penilaian tersebut mengambil kira beberapa aspek keupayaan kontraktor termasuk pengalaman luas yang melebihi 30 tahun dalam pengendalian operasi penuaian di kawasan sawah sekitar Balik Pulau, keupayaan jentera dan tenaga kerja yang dimiliki, rekod prestasi terdahulu serta kebolehan mengurus kerja menuai secara sistematik serta

pengetahuan tempatan terhadap keadaan sawah dan struktur tanah di kawasan tersebut.

Walaupun proses penilaian dilaksanakan dengan teliti, faktor luar jangka seperti cuaca buruk dan kerosakan mesin semasa operasi boleh memberi kesan kepada prestasi sebenar kontraktor selepas pelantikan dibuat.

- (c) Pihak PPK Seri Pulau sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan dan kebajikan ahli-ahli khususnya pesawah yang terjejas akibat kelewatan atau kegagalan kerja menuai.

Langkah-langkah yang diambil bagi memastikan operasi menuai di bawah projek estet padi dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan pada musim-musim akan datang adalah seperti yang berikut;

- (i) Mengadakan sesi rundingan dengan pesawah untuk menilai semula tahap kerugian dan mencari jalan penyelesaian terbaik;
- (ii) PPK bersetuju menanggung 20% daripada jumlah kerugian yang dialami pesawah sebagai bentuk tanggungjawab sosial dan sokongan kepada ahli;
- (iii) Membantu pesawah membuat tuntutan melalui Skim Takaful Tanaman Padi bagi kerugian yang disebabkan oleh bencana alam;
- (iv) Cadangan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Jabatan Pertanian (DOA) untuk melaksanakan kerja-kerja pengapuran tanah, baik pulih kawasan jerlus dan pemulihan struktur tanah; dan
- (v) Memperkemas sistem pemantauan kontraktor termasuk jadual penuaian dan laporan prestasi secara berkala bagi mengelakkan insiden berulang.

Isu yang berlaku adalah bersifat terpencil dan bukan berpunca daripada kecuaiannya menyeluruh pihak kontraktor atau kelemahan sistem pelantikan oleh PPK Seri Pulau. Pihak PPK telah mengambil langkah memperkukuh

mekanisme pemantauan bagi memastikan kebajikan pesawah terus terpelihara dan operasi estet padi dapat dijalankan dengan lebih baik pada masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

9. Sebagai kawasan pertanian yang mengeluarkan sumber makanan Negeri Pulau Pinang, kawasan Barat Daya boleh ditingkatkan keupayaan pengeluaran makanan dan perikanan.
- (a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai satu perancangan khusus pengeluaran pertanian dan perikanan?
  - (b) Apakah tindakan jangka masa pendek dan panjang di dalam hal ini?
  - (c) Adakah FAMA dan MARDI mempunyai penglibatan yang lebih spesifik?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya dan Timur Laut mempunyai perancangan yang menyeluruh dan berfokus dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil pertanian sejajar dengan hala tuju pembangunan sektor agromakanan Negeri Pulau Pinang di bawah Pelan Strategik Pembangunan Daerah Barat Daya dan Timur Laut Tahun 2026–2030. Pelan ini digubal bagi memperkukuh daya saing sektor pertanian daerah melalui pendekatan berasaskan teknologi, kelestarian dan nilai tambah yang tinggi dengan memberi tumpuan kepada tiga (3) komoditi utama iaitu padi, durian dan sayur-sayuran.

Berdasarkan data semasa, keluasan tanaman di kedua-dua daerah adalah 290 hektar bagi tanaman padi, 179.2 hektar bagi tanaman durian dan 97.7 hektar bagi tanaman sayur-sayuran. Ketiga-tiga komoditi ini dipilih kerana mempunyai potensi pengeluaran yang tinggi serta berperanan penting dalam menyokong keterjaminan makanan dan pembangunan ekonomi tempatan. Fokus utama pelan strategik ini adalah meningkatkan kecekapan pengeluaran, memperkukuh rantai nilai dan memastikan pembangunan sektor pertanian yang mampan serta berdaya saing menjelang tahun 2030.

Bagi subsektor padi, pelan strategik ini memberi penekanan kepada penggunaan benih padi sah berpotensi hasil tinggi, penggunaan teknologi pintar (smart farming) seperti penerima tanah dan dron pemantauan tanaman serta pemantapan sistem pengairan dan saluran sawah. Mekanisasi dan automasi ladang turut digalakkan bagi mengurangkan kos operasi dan kebergantungan kepada tenaga kerja luar. Program pengurusan tanaman berasaskan data dan ramalan cuaca juga akan diperluas bagi meningkatkan ketepatan intervensi agronomi dan kawalan serangan penyakit.

Bagi tanaman durian, komoditi ini menjadi tanaman bernilai tinggi dan berpotensi eksport. Justeru, tumpuan diberikan kepada pengurusan ladang bersepadu, penggunaan bahan tanaman berkualiti serta pengukuhan sistem pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP). Pembangunan pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil (collection and processing centre) akan dipertingkatkan bagi menambah baik sistem logistik, penjenamaan dan pemasaran produk durian Negeri Pulau Pinang di pasaran domestik dan antarabangsa.

Selain itu, bagi subsektor sayur-sayuran, pelaksanaan strategi tertumpu kepada penggunaan sistem fertigasi moden dan rumah hijau, pembangunan kawasan pengeluaran baharu serta peningkatan kemahiran dan keusahawanan petani muda melalui latihan dan bimbingan teknikal. Penekanan turut diberikan terhadap pengeluaran sayur-sayuran secara lestari dan mesra alam dengan pengurangan penggunaan bahan kimia serta penerapan teknologi

pertanian hijau dan biopes bagi menjamin keselamatan makanan jangka panjang.

Selain strategi pengeluaran, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang turut menekankan aspek pembangunan infrastruktur pertanian termasuk naik taraf jalan ladang, sistem saliran, pembinaan pusat pengumpulan hasil dan fasiliti pasca tuai. Bantuan input pertanian dan geran pembangunan juga disediakan bagi menggalakkan penyertaan aktif petani serta meningkatkan daya saing sektor pertanian tempatan. Program pembangunan kapasiti dan latihan berterusan kepada petani, usahawan tani serta koperasi juga akan diteruskan bagi melahirkan komuniti tani moden dan progresif.

Bagi industri perikanan pula, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 31 Julai 2024 telah meluluskan penetapan lima (5) kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) di negeri ini dan salah satu ZIA yang telah diluluskan adalah di perairan Pulau Betong yang terletak di Daerah Barat Daya dengan keluasan 0.4 hektar. ZIA Pulau Betong mempunyai dua (2) penternak sangkar ikan marin yang menternak ikan merah, ikan nyok-nyok, ikan siakap dan ikan kerapu.

Selain itu, bagi memastikan pengeluaran akuakultur di Negeri Pulau Pinang tidak terjejas, Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Pulau Sayak telah membuat kajian kesesuaian tapak untuk penempatan ternakan baharu di luar sempadan kawasan Taman Negara Pulau Pinang (TNPP), Teluk Bahang bagi menggantikan tapak sedia ada yang terletak di dalam kawasan gazet TNPP kepada enam (6) pengusaha sangkar ikan marin.

Lesen Akuakultur Darat juga telah mula dikeluarkan pada tahun 2025 oleh DOF Negeri Pulau Pinang kepada penternak di Balik Pulau iaitu syarikat Global Goodway yang merupakan penerima lesen akuakultur darat yang pertama di Negeri Pulau Pinang. DOF turut memberi bantuan dalam bentuk input dan peralatan di bawah program Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPEKS) Akuakultur kepada seramai

lapan (8) orang penternak di Daerah Barat Daya pada tahun 2025 dengan jumlah bantuan bernilai RM161,550.00.

Bagi memastikan keterjaminan makanan, pihak DOF Negeri Pulau Pinang turut melaksanakan penguatkuasaan dengan kerjasama jabatan/agensi berkaitan bagi mengekang aktiviti pencerobohan oleh bot pukut tunda di perairan negeri ini. Selain itu, pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga telah menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM350,000.00 pada tahun 2024 dan RM880,000.00 pada tahun 2025 bagi projek pelepasan benih ikan/ udang/ kerang ke perairan umum sebagai inisiatif meningkatkan hasil nelayan.

- (b) Bagi memastikan pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan Pertanian Daerah Barat Daya dan Timur Laut 2026–2030 dapat dilaksanakan dengan berkesan, pihak DOA Negeri Pulau Pinang mengambil tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Pendekatan ini membolehkan setiap inisiatif dilaksanakan secara berperingkat dan berfokus mengikut keutamaan serta keperluan pembangunan sektor pertanian di daerah ini.

Bagi tindakan jangka masa pendek iaitu dalam tempoh 2026 hingga 2027, keutamaan diberikan kepada penyediaan asas pelaksanaan pelan strategik serta pengukuhan kapasiti pengeluaran sedia ada. Langkah utama adalah seperti peningkatan keupayaan pengeluaran padi melalui penggunaan benih sah berpotensi hasil tinggi, pengurusan ladang bersepadu serta kawalan rumpai dan perosak secara sistematik. Di samping itu, pelaksanaan projek perintis pertanian pintar (smart farming) akan diperkenalkan bagi tanaman padi dan sayur-sayuran melalui penggunaan teknologi penderia, dron pemantauan serta sistem pengurusan ladang berasaskan data. Bantuan input pertanian dan insentif pengeluaran juga akan disalurkan kepada pesawah dan pengusaha tanaman durian serta sayur-sayuran bagi meningkatkan hasil dan menstabilkan bekalan makanan. Dalam masa yang sama, infrastruktur asas pertanian seperti jalan ladang, sistem saliran serta pusat pengumpulan hasil akan dibaik pulih dan dinaik taraf bagi menyokong kelancaran aktiviti pengeluaran. Program

pembangunan kapasitas dan latihan teknikal kepada petani turut dilaksanakan secara intensif bagi memperkukuh kemahiran, pemahaman terhadap amalan pertanian lestari serta meningkatkan kecekapan pengurusan ladang. Selain itu, tindakan jangka pendek juga melibatkan pemantauan data dan pemetaan kawasan berpotensi bagi mengenal pasti lokasi baharu sesuai untuk pengembangan tanaman bernilai tinggi.

Sementara itu, tindakan jangka masa panjang bagi tempoh 2028 hingga 2030 menumpukan kepada usaha memperkukuh kecekapan pengeluaran, meningkatkan nilai tambah produk pertanian serta menjamin kelestarian sumber dan daya saing sektor pertanian daerah. Inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan adalah pengembangan kawasan tanaman bernilai tinggi seperti durian dan sayur premium bagi meningkatkan pendapatan petani dan nilai ekonomi pertanian daerah. Pengurusan tanaman padi akan diperkukuh melalui automasi sepenuhnya proses penanaman, pembajaan dan penuaian bagi mencapai sasaran hasil optimum menjelang tahun 2030. Di samping itu, pembinaan pusat pengumpulan, pemprosesan dan penjenamaan hasil pertanian (collection and processing centre) akan dilaksanakan bagi memperkukuh rantai nilai serta meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran produk tempatan di pasaran domestik dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri melalui DOA juga akan mengukuhkan rantai bekalan makanan dengan menggalakkan penggunaan platform pemasaran digital serta membina jaringan kerjasama strategik bersama pihak swasta dan koperasi pertanian. Bagi memastikan pertanian berkembang secara mampan, pelan jangka panjang turut memberi penekanan kepada pembangunan pertanian hijau dan rendah karbon termasuk penggunaan teknologi hijau, baja organik dan kawalan biologi yang mesra alam. Selain itu, kerjasama dengan institusi penyelidikan dan agensi berkaitan akan terus diperkukuh bagi tujuan inovasi teknologi dan pembangunan produk berasaskan pertanian. Dalam masa yang sama, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan modal insan tani generasi baharu (agropreneur muda) melalui latihan keusahawanan, program bimbingan serta

insentif khas bagi menarik penyertaan belia dalam sektor pertanian.

Manakala, pihak DOF Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan langkah jangka pendek bagi pembangunan industri perikanan di Daerah Barat Daya seperti penetapan ZIA di Pulau Betong, pemberian bantuan dalam bentuk input dan peralatan di bawah program SPEKS Akuakultur kepada penternak yang mematuhi syarat dan melesenkan semua projek akuakultur darat untuk memastikan pembangunan industri akuakultur dapat dijalankan dengan lebih mampan dan seterusnya memastikan keterjaminan makanan yang mencukupi dan selamat di negeri ini. Selain itu, DOF Negeri Pulau Pinang akan terus melaksanakan aktiviti penguatkuasaan sebagai langkah jangka masa panjang.

- (c) Pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang melaksanakan projek Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) Kawasan Jelapang Padi Pulau Pinang dengan kerjasama DOA Negeri Pulau Pinang dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) dan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMK12). Projek ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesuburan tanah diikuti pengesyoran kadar pembajaan nitrogen, phosporus dan kalium (NPK) di 12,202 hektar kawasan sawah padi di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk 462 hektar kawasan sawah padi di Daerah Barat Daya. Berdasarkan dapatan kajian, keperluan pembajaan di Barat Daya bagi hasil mampu capai lapan (8) tan metrik/hektar adalah 90:60:75 kilogram/ hektar. Pemberian kadar baja yang tepat adalah penting bagi memenuhi keperluan pemakanan pokok, mengurangkan pembaziran input serta mengurangkan pendedahan kepada serangan perosak dan penyakit utama tanaman padi.

Selain itu, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pulau Pinang juga bertanggungjawab dalam urusan pemasaran produk agromakanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga serta produk-produk industri makanan dan asas tani. Bagi memastikan peluang pasaran terjamin, FAMA telah

mewujudkan *outlet* peruncitan untuk membantu usahawan dan petani untuk memasarkan produk masing-masing. Bilangan *outlet* peruncitan yang terdapat di Daerah Barat Daya adalah seperti yang berikut:

<b>BIL.</b>	<b>OUTLET PERUNCITAN</b>	<b>BILANGAN</b>
1.	Gerai Buah-Buahan Segar	2
2.	Agrobazaar Kedai Rakyat	3
3.	Agrobazaar Rakyat	2
4.	Pasar Tani	1
5.	Agrobazaar <i>K-Shope</i>	3
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>

Selain itu, FAMA juga telah mewujudkan program Ladang Kontrak bagi memastikan pasaran produk pertanian terjamin. Sehingga kini, terdapat 45 orang petani buah-buahan dan sayur-sayuran di Daerah Barat Daya telah berdaftar dengan program ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

10. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk melebar dan meluaskan jalan di antara Teluk Bahang dengan Sg Pinang?
- (a) Semasa musim cuti, peningkatan lalu lintas di jalan ini telah meningkat dengan drastik. Adakah satu kajian dilakukan?
  - (b) Faktor kekerapan halangan seperti pokok tumbang dan batu runtuh memberi permasalahan kepada pengguna. Adakah pihak JKR membuat kajian?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Buat masa ini, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) tidak mempunyai perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di antara Teluk Bahang dengan Sungai Pinang.
- (a) Tiada kajian khusus berkaitan isu peningkatan lalu lintas di laluan tersebut dijalankan buat masa ini. Walau bagaimanapun, JKRPP sentiasa mengambil tindakan proaktif bagi menangani isu kecekapan dan keselamatan infrastruktur sedia ada terutamanya yang melibatkan cerun di sepanjang laluan berkenaan.
  - (b) JKRPP sentiasa memantau keadaan cerun dan kawasan berhampiran laluan ini melalui rondaan berkala. Kajian penilaian risiko cerun juga telah dijalankan bagi mengenal pasti lokasi berisiko tinggi. Langkah-langkah pemantauan

ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya sentiasa terjamin.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

11. *Hotspot* jalan raya yang sentiasa menghadapi traffic jam di kawasan Barat Daya seperti di kawasan Teluk Kumbar dan Pekan Kongsı
- (a) Adakah kerajaan berhasrat untuk mengatasi masalah ini?
  - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi mengatasi masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kesesakan lalu lintas di kawasan Teluk Kumbar dan Pekan Kongsı.
- (a) Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan lalu lintas yang sering mengalami kesesakan di kawasan Teluk Kumbar dan Pekan Kongsı. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) komited untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.
  - (b) Tindakan jangka masa pendek yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kesesakan di kawasan-kawasan ini adalah pelaksanaan kajian trafik di Pekan Balik Pulau pada tahun 2026 oleh JKRPP bagi

mengenal pasti punca kesesakan di kawasan tersebut. Cadangan penguraian trafik di Pekan Kongsu akan dilaksanakan selepas kajian trafik dibuat pada tahun 2026 selesai dibentangkan.

Manakala bagi kawasan Teluk Kumbar pula, pelebaran jalan di Jalan Teluk Kumbar juga telah disyaratkan berdasarkan kelulusan *Traffic Impact Assessment (TIA)* & *Road Safety Audit (RSA)* kepada beberapa pemaju di sekitar persimpangan Masjid Sungai Batu seperti Tetuan Definite Harmony, Tetuan Asta Gemilang, Tetuan Montrico, Tetuan Kobay Sdn. Bhd. & Tetuan Wisma Dayamas di mana bagi mengatasi masalah kesesakan trafik di kawasan sekitar.

Bagi tindakan jangka masa panjang pula. JKRPP mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Teluk Kumbar dari persimpangan Jalan Sungai Batu sehingga ke persimpangan Jalan Cangkat Bukit Belah 5 daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong. Selain itu, sebuah bulatan akan dibina di persimpangan Jalan Sungai Batu dan pusingan-U Jalan Teluk Kumbar bagi mewujudkan aliran trafik yang lebih lancar (*free movement traffic*) di hadapan Masjid Sungai Batu. JKRPP telah mengemukakan permohonan cadangan penaiktarafan ini kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk pertimbangan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dimana projek ini telah lulus pelaksanaan kerja-kerja awalan sehingga peringkat reka bentuk.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

12. Isu kawasan banjir di kawasan perumahan Kuala Sg Pinang amat menekankan penduduk di kawasan ini.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan tebatan banjir di kawasan ini?
  - (b) Apakah solusi jangka masa pendek dan jangka masa panjang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Kerajaan Negeri mengambil maklum akan isu banjir yang dihadapi oleh penduduk di kawasan kuala Sungai Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) telah melantik perunding bagi menjalankan Kajian Rekabentuk Terperinci Bagi Menaiktaraf Sistem Saliran di Taman Nelayan, Kuala Sungai Pinang bagi menentukan kaedah penyelesaian isu banjir di kawasan tersebut. Kajian ini masih di peringkat Laporan Konsep Rekabentuk dan dijangka siap pada bulan Jun 2026. Cadangan projek fizikal akan dilaksanakan setelah kajian tersebut siap sepenuhnya dan dijangka dapat mengurangkan impak kesan banjir di kawasan perumahan taman tersebut sebagai langkah jangka masa panjang.
- (b) Sebagai tindakan penyelesaian jangka masa pendek, JPSP turut melaksanakan kerja-kerja pengorekan

muara Sungai Pinang yang dijalankan secara berkala tertakluk kepada kelulusan peruntukan semasa. Selain itu, JPSPP juga telah menaiktaraf sistem amaran banjir di kawasan kuala Sungai Pinang bagi memberikan amaran awal bencana banjir kepada penduduk.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

13. Isu tambor selut kuala yang sentiasa terjadi apabila air pasang sering memberi kesan, apabila air surut kepada nelayan-nelayan Kuala Jalan Baru dan Kuala Sg Pinang.
- (a) Apakah JPS mempunyai sebarang perancangan terperinci tentang kayu-kayu bakau yang menghalang laluan?
  - (b) Apakah solusi jangka masa pendek dan jangka masa panjang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai sebarang perancangan terperinci berkenaan isu kayu-kayu bakau yang berada di pesisir memandangkan ia tidak menghalang laluan nelayan ke muara. Walau bagaimanapun, pihak JPS Negeri Pulau Pinang melaksanakan kerja-kerja mendalamkan muara di muara sungai yang dikenal pasti telah mengganggu aktiviti nelayan dan menghalang aliran air ke laut pada setiap tahun. Kerja-kerja ini dijalankan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- (b) Bagi solusi jangka masa pendek, pihak JPS Negeri Pulau Pinang melaksanakan kerja-kerja mendalamkan muara sungai bagi mengelakkan aktiviti nelayan terganggu akibat selut di muara. Kerja-kerja ini dilaksanakan mengikut keutamaan dengan melibatkan semua muara sungai

mendap yang menyumbang kepada masalah muara cetek. Perancangan dan permohonan peruntukan dibuat dengan mengutamakan muara-muara yang sempit dan menjejaskan aktiviti nelayan. Manakala penyelenggaraan sungai dan muara dilaksanakan secara berkala bagi solusi jangka masa panjang.

Selain itu, JPS Malaysia kini sedang melaksanakan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) bagi Negeri Pulau Pinang. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kawasan pantai dan muara sungai yang mengalami masalah hakisan serta isu mendapan di muara sungai. Melalui kajian ini, jabatan/agensi yang berkaitan akan merangka dan menyediakan pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang. Pelan tindakan ini akan menjadi panduan untuk pelaksanaan secara berperingkat mengikut bidang kuasa jabatan/agensi masing-masing bergantung kepada sumber dan peruntukan yang diterima. ISMP ini juga akan membantu Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan yang lebih berkesan secara preventif dan korektif. Kajian ini dijangka siap pada 23 Jun 2027.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

14. Kawasan paya bakau pinggir bahagian kolam udang dan kolam ikan di Permatang Pasir kebanyakan telah mati.
- (a) Apakah Kerajaan Negeri ada membuat kajian terhadap perkara ini, EIA yang berkala?
  - (b) Apakah perkara ini tidak bercanggah dengan slogan Kerajaan pada tahun lepas ingin menanam sejuta pokok sedangkan pokok yang ada habis mati?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) hanya menilai dan meluluskan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi projek yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Sekiranya laporan EIA tersebut memenuhi keperluan Seksyen 34A(2C) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 maka kelulusan boleh diberikan berserta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju. Walau bagaimanapun, tiada EIA berkala yang diluluskan atau berada di bawah pemantauan JAS bagi kawasan Permatang Pasir kerana tiada projek akuakultur atau pembangunan di kawasan tersebut yang tertakluk kepada keperluan EIA. Oleh itu, kematian pokok bakau di kawasan pinggir kolam udang dan kolam ikan di situ tidak berpunca daripada projek yang dinilai melalui proses EIA.

- (b) Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa kematian pokok bakau di kawasan tersebut menjejaskan usaha pemeliharaan alam sekitar yang sedang giat dijalankan termasuk kempen menanam sejuta pokok. Namun, kejadian ini tidak bercanggah dengan dasar atau komitmen Kerajaan Negeri sebaliknya menjadi peringatan tentang kepentingan pemantauan dan penyelenggaraan habitat semula jadi selepas aktiviti penanaman dijalankan. Inisiatif sejuta pokok bukan sekadar menanam tetapi memastikan kadar kelangsungan hidup pokok yang tinggi melalui penjagaan rapi dan pemulihan kawasan terjejas. Oleh itu, tindakan susulan seperti siasatan punca kematian bakau, program penanaman semula serta penambahbaikan sistem saliran dan kualiti air akan dilaksanakan supaya matlamat kempen tersebut terus selari dengan agenda kelestarian negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

15. Perumahan kos rendah dan RMM yang terdapat di kawasan Titi Teras dan Sg Pinang masih lagi di kategori projek sakit.
- (a) Apakah Kerajaan Negeri masih berusaha untuk meneruskan projek ini?
  - (b) Bilakah projek ini dapat disiapkan?
  - (c) Apakah kerajaan akan menambahkan projek-projek rumah PPRT dan RMM di kawasan Barat Daya?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Projek di Titi Teras yang dikenali sebagai Projek Quinton merupakan cadangan pembangunan satu (1) blok rumah pangsa mampu milik setinggi 16 tingkat yang mengandungi sebanyak 379 unit kediaman termasuk kemudahan tempat letak kenderaan, kemudahan masyarakat serta satu (1) tingkat separa bawah tanah, yang dibangunkan di atas Lot 94, Lot 95 dan PT11, Jalan Sungai Pinang, Mukim E, Daerah Barat Daya.

Sementara itu, projek di Sungai Pinang iaitu Projek Sri Bayu, melibatkan cadangan pembangunan satu (1) blok rumah pangsa 12 tingkat yang mengandungi sebanyak 123 unit rumah pangsa kos sederhana rendah dan 123 unit rumah pangsa kos rendah serta satu (1) blok tambahan (Annex) setinggi sepuluh (10) tingkat dengan dua (2) tingkat separa bawah tanah bagi

kemudahan tempat letak kenderaan dan kemudahan masyarakat.

Kedua-dua projek ini pada asalnya dibangunkan oleh Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd., namun syarikat berkenaan telah melalui proses penggulungan (liquidation) dan kini sedang dalam proses pelan pemulihan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat prihatin terhadap kebajikan pembeli dan telah meluluskan pelaksanaan konsep "white knight" bagi menyelamatkan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Melalui pendekatan ini, satu rakan pembiaya akan dilantik bagi Projek Sri Bayu dan Projek Quinton untuk membantu dalam aspek pembiayaan kewangan serta pelaksanaan kerja-kerja pembinaan semula. Sebagai imbalan, rakan pembiaya ini akan diberikan pulangan berdasarkan jumlah unit yang akan disiapkan kelak.
- (b) Mengambil kira bahawa projek ini pada asalnya dibangunkan oleh pemaju swasta, pelaksanaannya kini akan diselaraskan oleh pihak pelikuidasi iaitu Tetuan Baker Tilly Insolvency PLT bagi pihak pemaju, bersama rakan pembiayaan yang berkaitan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri. Projek ini berada di bawah pengurusan pelikuidasi yang bertanggungjawab memuktamadkan kadar kos serta keperluan kewangan bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan disambung semula yang dijangka bermula pada Disember 2025. diselaraskan bersama pihak pelikuidasi bagi pihak pemaju, serta Rakan Pembiayaan yang berkaitan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri.

Berdasarkan laporan tinjauan oleh perunding, kemajuan fizikal bagi Pangsapuri Quinton telah mencapai 71.11%, manakala Pangsapuri Sri Bayu telah mencapai 89.7%. Keadaan semasa di tapak memerlukan pelaksanaan kerjakerja pembaikan utama (major defects work) bagi membetulkan struktur dan komponen yang telah rosak memandangkan projek berkenaan telah lama terbengkalai. Tarikh siap baharu projek akan ditentukan semula setelah pelan pemulihan dimuktamadkan kelak.

- (c) Sehingga 31 Oktober 2025, sebanyak 37 buah projek Rumah MutiaraKu (RMKu) telah disenaraikan dalam perancangan, manakala 12 buah projek sedang dalam peringkat pembinaan di kawasan Daerah Barat Daya. Senarai penuh projek berkenaan adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK RUMAH MUTIARAKU (RMKU) A, B & C DI PULAU PINANG

A. SENARAI PROJEK RMKU A, B DAN C SEDANG DIBINA.

DAERAH BARAT DAYA						
BIL.	TAHUN	PROJEK	PEMAJU	LOKASI	JENIS RMKU	BIL. UNIT
1	2017	SERI BAYU	TETUAN PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	332, MUKIM 3 BUKIT SG. RUSA & SG. PINANG, JALAN SUNGAI RUSA	A	123
2	2017	SERI BAYU	TETUAN PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	332, MUKIM 3 BUKIT SG. RUSA & SG. PINANG, JALAN SUNGAI RUSA	B	123
3	2018	QUINTON	TETUAN PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	LOT 94 & 95, PETAKA (SEBAHAGIAN LOT 378 & 380), JALAN SUNGAI PINANG	C	379
4	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN DEFINITE HAMONY DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 256, JALAN TELUK KUMBAR 1	B	129
5	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JERNIH PROSPEKTIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 237, 439, 440 DAN 441, JALAN PULAU BETONG, MUKIM J	A	1,224
6	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JERNIH PROSPEKTIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 237, 439, 440 DAN 441, JALAN PULAU BETONG, MUKIM J	B	360
7	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JERNIH PROSPEKTIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 237, 439, 440 DAN 441, JALAN PULAU BETONG, MUKIM J	C	320
8	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN DEFINITE HAMONY DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 256, JALAN TELUK KUMBAR, MUKIM 11	C	85
9	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN KOBAY SB SDN. BHD.	LOT 451, MUKIM 11, LINTANG TELUK KUMBAR 1	C	259
10	2022	LONDON PAVILLION	TETUAN M SUMMIT PREMIUM SDN. BHD.	LOT 362, 21173, 21174 & 20088, 20092, MUKIM 11, PERMATANG DAMAR LAUT	C	527
12	2024	MALDIVES RESIDENCES	TETUAN SOLARIS PRESTASI SDN. BHD.	LOT 71641 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 15318), JALAN TUN DR. AWANG, JALAN SULTAN AZLAN SHAH, MUKIM 12	C	1,665
<b>JUMLAH</b>						<b>5,194</b>

**B. SENARAI KEBENARAN MERANCANG PROJEK RMKU A B DAN C (SWASTA DAN PERANCANGAN KERAJAAN NEGERI & SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC))**

DAERAH BARAT DAYA						
BIL.	TAHUN	PROJEK	PEMAJU	LOKASI	JENIS RMKU	BIL. UNIT
1	2016	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ALAMKHAS SDN. BHD.	LOT NO. 84, MUKIM D BAGAN AIR ITAM, LORONG PRESTIJ 10, JALAN BARU, BALIK PULAU	A	192
2	2016	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ALAMKHAS SDN. BHD.	LOT NO. 84, MUKIM D BAGAN AIR ITAM, LORONG PRESTIJ 10, JALAN BARU, BALIK PULAU	B	192
3	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN PERDA VENTURES INCORPORATED SDN. BHD.	PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI LOT 289, 290, 291, 752, 768, 770, 1050 DAN 1144, MUKIM 11, SUNGAI BATU	A	645
4	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MTT PROPERTIES. & DEV. SDN. BHD.	SBHG. 728 & 1551, MUKIM 4 BATU ITAM, JALAN SUNGAI AIR PUTIH 6	A	160
5	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MTT PROPERTIES. & DEV. SDN. BHD.	SBHG. 728 & 1551, MUKIM 4 BATU ITAM, JALAN SUNGAI AIR PUTIH 6	B	288
6	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JKP SDN. BHD.	DI ATAS LOT 1053, 1054 DAN SEBAHAGIAN SIMPANAN LALUAN (PELOTA), MUKIM C	B	108
7	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JKP SDN. BHD.	DI ATAS LOT 1053, 1054 DAN SEBAHAGIAN SIMPANAN LALUAN (PELOTA), MUKIM C	C	128
8	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN I-GLOBAL PROPERTY NETWORK SDN. BHD.	DI ATAS LOT 802 DAN 444, JALAN DATO' ISMAIL HASHIM, MUKIM 11	C	559
9	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ASTA GEMILANG SDN. BHD.	PPA1M TELUK KUMBAR, DI ATAS LO-LOT 11, 12, 15, 16, 1531 DAN 1532, MUKIM 9	C	2500
10	2017	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ASTA GEMILANG SDN. BHD.	PPA1M SUNGAI BATU, DI ATAS LOT 290 DAN 291, MUKIM 11	C	4000
11	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN PLENITUDE ESTATES SDN. BHD.	DI JALAN PONDOK UPEH, MUKIM 6	A	327
12	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN SURIA PERMAS SDN. BHD.	LOT 70677, MUKIM 12	C	168

**DAERAH BARAT DAYA**

BIL.	TAHUN	PROJEK	PEMAJU	LOKASI	JENIS RMKU	BIL. UNIT
13	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN REIGNVIEW DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 683, JALAN BUKIT BELAH 1, MUKIM 11	C	201
14	2018	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ION DEVELOPMENT SDN. BHD.	DI ATAS LOT 10097 & 10331, JALAN BALIK PULAU, MUKIM 6	C	220
15	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ICONIC LANDMARK SDN. BHD.	LOT-LOT 422, 423 & 424, MUKIM 10	B	357
16	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ICONIC LANDMARK SDN. BHD.	LOT-LOT 422, 423 & 424, MUKIM 10	C	1,188
17	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN WISMA DAYAMAS SDN. BHD.	LOT-LOT 20252, 20253, 20283 & 1804 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 202, 236, 403, 516, 511, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983), MUKIM 11	A	115
18	2019	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN WISMA DAYAMAS SDN. BHD.	LOT-LOT 20252, 20253, 20283 & 1804 (SEBAHAGIAN LOT LAMA 202, 236, 403, 516, 511, 711, 712, 713, 714, 715, 761, 765, 980, 981, 982 & 983), MUKIM 11	B	115
19	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JKP SDN. BHD.	JALAN SUNGAI PINANG	A	192
20	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN JKP SDN. BHD.	JALAN SUNGAI PINANG	B	192
21	2021	BUKIT GEDONG	LPNPP / TETUAN HUNZA LAND CORPORATION SDN. BHD.	LOT 72798 & SIMPANAN (BERSEBELAHAN LOT 72826), JALAN MAYANG PASIR, MUKIM 12	B	300
22	2021	BUKIT GEDONG	LPNPP / TETUAN HUNZA LAND CORPORATION SDN. BHD.	LOT 72798 & SIMPANAN (BERSEBELAHAN LOT 72826), JALAN MAYANG PASIR, MUKIM 12	C	960

**DAERAH BARAT DAYA**

BIL.	TAHUN	PROJEK	PEMAJU	LOKASI	JENIS RMKU	BIL. UNIT
23	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN VIENNA VIEW DEVELOPMENT SDN. BHD. / MAH SING	LOT 70790, MUKIM 12, JALAN PERMATANG DAMAR LAUT, BATU MAUNG	C	536
24	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MAGNA REZEKI SDN. BHD.	LOT 72021, MUKIM 12	C	1,202
25	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN OIB PROPERTIES (K) SDN. BHD.	13742-13746, 13769-13773 & PT6574, JALAN CHANGKAT SUNGAI ARA 1, MUKIM 12	C	849
26	2021	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN KAY PRIDE SDN. BHD.	LOT 20390, MUKIM 11, SUNGAI BATU	C	960
27	2022	URC MAHSURI 5 POINT BLOCK FASA 1	LPNPP / TETUAN NILAI ARIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 2323, SEBAHAGIAN LOT 2322, SEBAHAGIAN LORONG MAHSURI 10, MUKIM 12	B	300
28	2023	URC MAHSURI 5 POINT BLOCK FASA 1	LPNPP / TETUAN NILAI ARIF SDN. BHD.	DI ATAS LOT 2323, SEBAHAGIAN LOT 2322, SEBAHAGIAN LORONG MAHSURI 10, MUKIM 12	C	770
29	2023	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN TROPICAL ISLAND RESORTS SDN. BHD.	DI ATAS LOT-LOT PT 1962-1965 SERTA TANAH KERAJAAN 'PETAK A', 'PETAK B', 'PETAK C', MUKIM 13, SERTA 'PETAK E', MUKIM 12	B	360
30	2023	BELUM DIKEMUKAKAN BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ICOM ATTRactions SDN. BHD.	DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 586 & 675, MUKIM 10	C B	1,299 150
31	2023	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN DYNAMITE PACIFIC SDN. BHD.	DI ATAS LOT 672, 673, 675, 144, 1060, 20151, 20152, 645, 646 & 649, MUKIM 11	C	1,240

**DAERAH BARAT DAYA**

BIL.	TAHUN	PROJEK	PEMAJU	LOKASI	JENIS RMKU	BIL. UNIT
32	2023	BELUM DIKEMUKAKAN			B	372
33	2023	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN ASTA GEMILANG SDN. BHD.	LOT 30, PERSIARAN RELAU, 11900 BAYAN LEPAS	C	1,050
34	2024	ESENVIEW RESIDENCE	TETUAN ZANTALITE ENTERPRISE (M) SDN. BHD.	LOT 1411, JALAN KEKABU 5 DAN 1, MUKIM 12	C	484
35	2024	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MONTRICO DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 672, 1058, 1063, 20001, 21161, SEBAHAGIAN LOT 645, JALAN TELUK KUMBAR, MUKIM11	B	288
36	2024	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN MONTRICO DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 672, 1058, 1063, 20001, 21161, SEBAHAGIAN LOT 645, JALAN TELUK KUMBAR, MUKIM11	C	958
37	2025	BELUM DIKEMUKAKAN	TETUAN HUNZA PROPERTIES (NORTH) SDN. BHD.	LOT 13742, 13743, 13744, 13745, 13746, 13769, 13770, 13771, 13772, 13773 & 72447 (LOT LAMA PT 6574), MUKIM 12, CANGKAT SUNGAIARA 1	C	481
					C	492
<b>JUMLAH</b>						<b>24,898</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

16. Kemudahan parkir di Hospital Besar Pulau Pinang amat kritikal
- (a) Apakah inisiatif pihak hospital untuk mengatasi masalah tersebut?
  - (b) Apakah tindakan jangka masa panjang dan jangka masa pendek?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Hospital Pulau Pinang (HPP) sentiasa peka terhadap keperluan kemudahan tempat letak kenderaan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan orang ramai yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di HPP.
- (a) Buat masa ini, JKNPP telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengatasi masalah parkir di HPP, antaranya ialah:
    - (i) Membina blok wanita dan kanak-kanak dengan tambahan kawasan parkir sebanyak 499 lot;
    - (ii) Membina blok klinik pakar dan wad hospital dengan tambahan kawasan parkir sebanyak 500 lot; dan
    - (iii) Membina blok baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel dengan tambahan kawasan parkir 70 lot.

Pelaksanaan projek-projek ini merangkumi penambahan lot parkir dan pembangunan di kawasan baharu yang telah dikenal pasti. Inisiatif ini secara tidak langsung memberi impak positif dalam menangani isu kekangan tempat letak kenderaan di HPP.

- (b) Bagi menangani masalah parkir di HPP, JKNPP bersama agensi-agensi berkaitan telah mengambil pelbagai langkah dan merangka pelan tindakan jangka pendek serta jangka panjang seperti yang berikut:
- (i) Mengoptimumkan ruang parkir HPP sedia ada agar dapat menampung keperluan kemudahan parkir untuk semua pihak;
  - (ii) Memperkemaskan pengurusan bangunan parkir bertingkat, termasuk kawalan trafik dan kemasukan bagi mengurangkan kesesakan;
  - (iii) Menggalakkan penggunaan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam untuk ke HPP;
  - (iv) Meningkatkan kekerapan perkhidmatan *buggy* di antara bangunan parkir bertingkat dengan Blok B (Blok Perkhidmatan Utama);
  - (v) Memohon kebenaran penggunaan ruang parkir Kompleks Masyarakat Penyayang (KMP) dan tapak kosong di Jalan Sepoy Lines (tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang) sebagai tapak sementara tempat letak kereta HPP;
  - (vi) Meneliti kesesuaian kertas cadangan syarikat-syarikat swasta untuk mewujudkan perkhidmatan valet di HPP dan juga cadangan penswastaan kemudahan tempat letak kenderaan di HPP; dan
  - (vii) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menyediakan perkhidmatan bas percuma, *Central Area Transit* (CAT) ke HPP secara percuma bermula 1 Januari 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

17. Penyakit influenza sedang menyerang negara pada ketika ini.
- (a) Berapa ramaikah rakyat Negeri Pulau Pinang yang telah dijangkiti penyakit ini dan dirawat di Hospital Pulau Pinang?
  - (b) Apakah keadaan hospital daerah SPU, SPT, SPS, DBD dan DTL mampu untuk mengawal dan menangani wabak ini?
  - (c) Adakah kerajaan menjangkakan satu keadaan serius akan berlaku terutamanya di pusat pendidikan dan sebagainya?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Jangkitan influenza tidak tertakluk kepada keperluan pelaporan/notifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Namun, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memantau tren aktiviti influenza mahupun kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan melalui sistem pelaporan sedia ada dan daripada lokasi-lokasi *sentinel* yang telah dikenal pasti di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang.

Bagi tahun 2025, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang (Sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya

sebilangan kecil pesakit, terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak kecil, warga emas dan pesakit penyakit kronik, memerlukan rawatan lanjut di hospital.

- (b) Buat masa ini, kes-kes influenza yang berlaku di Negeri Pulau Pinang masih dalam keadaan terkawal. Setiap hospital telah menyediakan bilik isolasi atau kubikel berasingan bagi menempatkan kes-kes influenza dalam usaha mengekang jangkitan di wad.

Selain itu, inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) adalah seperti "*fever clinic*" di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital. Ini bagi mengasingkan pesakit yang datang ke Jabatan berkenaan dengan gejala demam dan berpotensi menghidap influenza.

- (c) *Trend* influenza secara keseluruhan pada tahun 2025 adalah kurang dan stabil berbanding tahun 2024. Namun begitu, JKNPP menganggarkan peningkatan pada minggu-minggu seterusnya. Buat masa ini, dengan jumlah kes sedia ada, keadaan masih terkawal dan sentiasa dipantau oleh JKNPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

18. Hospital Pulau Pinang pada 3 Oktober 2025 telah memohon maaf di atas kelewatan 6 jam masa menunggu bagi Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD).
- (a) Apakah penyebab dan keadaan yang telah berlaku di ETD pada tarikh tersebut?
  - (b) Semasa waktu puncak yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih lama, apakah faktornya?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Pada 3 Oktober 2025, Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD) Hospital Pulau Pinang mengalami kesesakan akibat peningkatan jumlah pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Dalam masa yang sama, faktor lain yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah kerana beberapa petugas kesihatan dijangkiti wabak influenza dan terpaksa mengambil cuti sakit.

Untuk makluman, Hospital Pulau Pinang merupakan sebuah hospital negeri yang turut menerima rujukan dari negeri-negeri jiran selain dari klinik kesihatan dan hospital-hospital lain di Pulau Pinang. Hal ini menyebabkan jumlah pesakit harian yang diterima di Jabatan Kecemasan Hospital Pulau Pinang adalah sangat ramai dan boleh mencecah 350 pesakit sehari.

- (b) Purata bertugas bagi setiap syif adalah seramai lima (5) hingga tujuh (7) pegawai perubatan dan faktor utama yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih lama adalah disebabkan oleh kekurangan bilangan pegawai perubatan sedia ada.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

19. Permohonan untuk membaiki masjid-masjid yang rosak telah dimajukan pada tahun 2024 lagi kepada Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi mendapat bantuan penyelenggaraan. Namun sehingga ke hari ini, tiada sebarang bantuan diberikan. Jelaskan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) telah melaksanakan kerja-kerja membaiki kecil dan menaik taraf 25 buah masjid dan surau di seluruh Negeri Pulau Pinang. Permohonan yang diterima akan diselaraskan dalam Mesyuarat Penyelarasan Projek Pembangunan Masjid / Surau / Sekolah Agama Rakyat (SAR) di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) berdasarkan tahap kerosakan dan keperluan untuk membaiki serta tertakluk kepada peruntukan semasa.

Sehingga Oktober 2025, JHEAIPP telah melaksanakan kerja-kerja membaiki kecil dan menaik taraf 19 buah masjid dan surau di seluruh Negeri Pulau Pinang. Tiada projek dilaksanakan di KADUN Teluk Bahang pada tahun 2024 namun pada tahun 2025 JHEAIPP telah melaksanakan kerja-kerja memasang bumbung awning, mengecat, siling dan membaiki kubah serta kerja berkaitan di Masjid Jamek Teluk Bahang dengan kos berjumlah RM73,901.20.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

20. Berapa banyakkah masjid di negeri ini yang telah diselenggarakan pada tahun ini?
- (a) Berapa banyakkah kutipan 10% sumbangan Jumaat seluruh Negeri Pulau Pinang yang yang diperolehi sehingga kini?
  - (b) Pihak masjid sendiri mempunyai aktiviti yang padat namun tidak mempunyai kutipan kewangan yang mencukupi. Adakah pihak Majlis dan JAINPP mempunyai solusi kepada perkara ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Sehingga Oktober 2025, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil dan menaik taraf 20 buah masjid dan surau di seluruh Negeri Pulau Pinang.
- (a) Tabung wakaf 10% sumbangan masjid yang telah dilancarkan pada bulan Julai 2019 telah mengumpul sebanyak RM2,144,553.40. Kutipan terkumpul ini disumbangkan oleh 104 masjid daripada 216 masjid seluruh Pulau Pinang. Bagi memantapkan fungsi dan peranannya Tabung ini telah dijenamakan semula dengan nama Tabung Wakaf Masjid Pulau Pinang melalui kelulusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.6/2025 bertarikh 14 Julai 2025 dengan

mengekalkan objektif yang sama untuk menambah aset hartanah umat Islam. Semua Imam Utama Masjid-masjid Daerah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelaraskan kutipan sumbangan masjid-masjid kariah dalam daerah masing-masing termasuk kutipan yang akan dilaksanakan kepada surau-surau yang diberikan kebenaran melaksanakan Solat Jumaat.

- (b) Masalah kekurangan dana dan sumber kewangan memang sesuatu yang tidak boleh dinafikan. Kerajaan Negeri secara berterusan akan menyalurkan peruntukan melalui pembangunan dan penyelenggaraan Masjid atau Surau di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, jawatankuasa kariah digalakkan agar lebih kreatif dan proaktif dalam menjana pendapatan masjid melalui wakaf misalnya seperti penubuhan koperasi, sewaan dewan dan sebagainya. Masjid juga disarankan menggunakan platform digital dalam talian untuk mendapat sumbangan yang lebih luas secara berterusan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri menggalakkan setiap masjid menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat/ sektor korporat melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk penajaan aktiviti atau pembiayaan infrastruktur. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAIPP akan sentiasa melaksanakan Audit Penarafan Masjid setiap tahun dengan memberi penekanan kepada aspek kewangan masjid/surau agar menguruskan kewangan secara telus dan profesional dalam meningkatkan kepercayaan masyarakat Islam di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

21. Terdapat rumah-rumah yang diubahsuai di taman-taman sehingga menyebabkan projek itu tergendala.
- (a) Apakah kerajaan mempunyai solusi terhadap perkara ini?
  - (b) Berapa banyakkah rumah-rumah yang diubahsuai dan tergendala di kawasan Barat Daya?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Selaras dengan dasar dan amalan semasa pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sebarang cadangan ubah suai atau pindaan bangunan yang tidak melibatkan perubahan guna tanah, intensiti pembangunan atau struktur utama bangunan sedia ada, dan tidak melebihi 1,500 kaki persegi serta tidak melebihi 50% dari keluasan lantai sedia ada, tidak diwajibkan untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM), hanya memadai dengan mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan (PB) sahaja.

Pihak MBPP hanya akan menjalankan pemeriksaan tapak sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh pihak perunding yang dilantik. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan semua kerja pembinaan, ubah suai dan tambahan yang dijalankan serta telah siap adalah selaras dengan PB yang telah diluluskan oleh pihak MBPP dan mematuhi semua syarat teknikal serta peraturan yang berkuat kuasa. Setelah pemeriksaan tapak dilakukan dan disahkan mematuhi kelulusan PB, pihak perunding boleh

mengemukakan CCC kepada pihak MBPP untuk tujuan rekod dan pengesahan akhir oleh pihak MBPP.

Sekiranya pihak MBPP menerima aduan daripada orang awam berkaitan kacau ganggu di sesuatu kawasan perumahan, pihak MBPP akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171].

Mengikut peruntukan Seksyen 82, AKTA 171, pihak MBPP mempunyai kuasa untuk mengeluarkan notis bertulis kepada pemilik premis yang didapati menyebabkan atau membenarkan berlakunya kacau ganggu, dengan tujuan untuk menghapuskan kacau ganggu tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tindakan yang sama boleh diambil ke atas rumah-rumah yang didapati terbiar, usang atau tidak diselenggara dengan baik, yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan awam atau menjejaskan kebersihan dan kesihatan persekitaran.

Namun demikian, sekiranya pengubahsuaian sesebuah rumah itu tergendala disebabkan oleh faktor peribadi/kewangan atau terlibat dalam kes mahkamah, maka, perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa pihak MBPP. Perkara ini termasuklah pengubahsuaian rumah yang tidak mendapatkan kebenaran yang sah daripada pihak MBPP.

- (b) Sejak tahun 2024 sehingga Oktober 2025, terdapat sebanyak tujuh (7) buah rumah yang diubah suai dan tergendala di Daerah Barat Daya. Kesemua rumah tersebut telah diambil tindakan di bawah peruntukan Seksyen 82, AKTA 171. Perinciannya adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>ALAMAT</b>	<b>TARIKH NOTIS SEKSYEN 82</b>	<b>TAHUN</b>
1	Solok Kampung Jawa 4	07.02.2024	
2	No 46, Persiaran Mahsuri 2	14.05.2024	
3	No 40, Balik Pulau	30.05.2024	

4	Lot 1030, disebelah Pejabat Pos, Lot 107 & 14885, Kolam Ikan Lorong 3	26.09.2024	2024
5	2E-2-19, Bayan Lepas	30.09.2024	
6	No. 5, Solok Kampung Jawa 4	19.11.2024	
7	Lot 10042, Lengkok Teluk Bahang	07.05.2025	2025

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

22. Berapa banyakkah projek penyelenggaraan rumah berstrata yang telah dilaksanakan di kawasan Barat Daya?
- (a) Berapakah jumlah pembiayaan yang telah diberikan oleh LPNPP setakat ini berbanding jumlah yang dilaksanakan?
  - (b) Adakah konsep 20% yang perlu diwujudkan oleh JMB masih diperlukan bagi pembaikan rumah strata?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Sejak tahun 2021 sehingga Oktober 2025, Kerajaan Negeri melalui program Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) telah meluluskan sebanyak 34 buah projek di kawasan Barat Daya dengan jumlah kos sebanyak RM8,448,060.70.
- (a) Daripada 34 buah projek yang telah diluluskan, sebanyak 27 buah projek telah dilaksanakan dengan jumlah kos sebanyak RM6,854,870.20 manakala sebanyak tujuh (7) buah projek pula telah dibatalkan dengan jumlah kos sebanyak RM1,593,190.50 kerana pihak *Joint Management Body (JMB)/Management Committee (MC)*

tidak mengemukakan baki bayaran sebanyak 20% dalam tempoh yang ditetapkan.

- (b) TPM80PP merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu pembiayaan kerja-kerja penyelenggaraan di skim perumahan swasta berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah. Pelaksanaan pembiayaan bersama ini bertujuan untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan JMB/MC skim perumahan berstrata selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 21, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] yang menetapkan bahawa tanggungjawab penyelenggaraan skim perumahan berstrata tersebut terletak di bawah pengurusan JMB/MC. Sehingga bulan Oktober 2025, konsep baki pembiayaan 20% di bawah JMB/MC masih berkuat kuasa bagi permohonan yang diluluskan di bawah TPM80PP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

23. Libat urus yang dilaksanakan berkaitan perkara "zoning" bagi kawasan Barat Daya, bilakah akan diimplimentasikan?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Pelaksanaan Sesi Libat Urus (SLU) bagi penyediaan Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2035 (DRTMBPP 2035) ini diperuntukkan di bawah Seksyen 12, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] dan diadakan secara berterusan sepanjang proses penyediaan rancangan tempatan bagi memastikan dokumen yang dihasilkan benar-benar mencerminkan keperluan pembangunan setempat.

Penyediaan DRTMBPP 2035 ini meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) iaitu Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya. Selain itu, DRTMBPP ini juga merangkumi pelbagai aspek seperti pewartaan *zoning*, penyelarasan cadangan pembangunan, penggubalan dasar kawalan serta pelaksanaan strategi pembangunan.

SLU yang dijalankan ini adalah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk wakil rakyat, agensi kerajaan, pemilik tanah, komuniti setempat dan orang awam bertujuan untuk mendapatkan pandangan, maklum balas dan input secara menyeluruh sebelum DRTMBPP 2035 dimuktamadkan.

Laporan akhir DRTMBPP 2035 dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei 2026 untuk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan publisiti akhir dan semakan awam.

Setelah itu, laporan akhir ini akan diwartakan dan diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Seterusnya, pelaksanaan *zoning* bagi kawasan Barat Daya akan dapat dilaksanakan dan dokumen ini akan digunakan sebagai asas kawalan pembangunan rasmi oleh MBPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

24. Melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No 36, iaitu mewujudkan bandar-bandar kecil.
- (a) Apakah kesannya kepada penduduk-penduduk yang rumah dan tanah mereka termasuk ke dalam sempadan bandar?
  - (b) Apakah keadilan yang dimaksudkan terhadap 25 bandar baru, terutamanya dari segi cukai tanah dan cukai petak?
  - (c) Apakah tujuan ini bermaksud akan ada perubahan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Pewujudan sempadan bandar baharu tidak menjejaskan pemilikan tanah sedia ada. Perubahan ini dibuat untuk menyesuaikan status tanah dengan pembangunan sebenar di kawasan berkenaan.

Contoh seperti kawasan Seberang Jaya yang kini telah membangun dengan pesat dan mempunyai bangunan seperti pembangunan bercampur iaitu kediaman, pusat komersil, hotel dan industri, namun hakikat sebenar hakmilik tersebut masih terletak di kawasan desa.

Antara kebaikan pewujudan sempadan bandar baharu adalah seperti berikut:

- (i) Membolehkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan merancang pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan perumahan dengan lebih teratur serta mengikut keperluan kawasan bandar;
  - (ii) Meningkatkan taraf kawasan yang sebelum ini di kawasan desa, melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik;
  - (iii) Meningkatkan nilai pasaran hartanah serta menarik minat pelabur ke kawasan tersebut; dan
  - (iv) Menambah hasil Kerajaan Negeri melalui kutipan cukai tanah bandar yang akan digunakan untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Tanah yang kini berada dalam kawasan bandar akan dikenakan kadar cukai tanah mengikut kadar tanah bandar.
- (b) Perluasan sempadan bandar dan pewujudan bandar-bandar baharu akan menyebabkan cukai tanah dikira berdasarkan lokaliti sebenar mengikut status tanah masing-masing. Namun begitu, bagi meringankan kesan kenaikan cukai tanah, Kerajaan Negeri telah menyediakan struktur rebat yang bersesuaian supaya beban ke atas pemilik tanah dapat dikurangkan.

Struktur rebat ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut tahun, untuk semua pemilik tanah tanpa mengira kategori, bagi memastikan peralihan kepada kadar baharu dapat dijalankan secara adil dan terkawal. Langkah ini juga bertujuan memberi masa kepada pemilik tanah menyesuaikan diri dengan perubahan kadar cukai tanpa memberi impak kewangan yang mendadak.

Mulai tahun 2026 hingga 2028, kadar rebat yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2026 : Rebate sebanyak 32.5%

- (ii) Tahun 2027 : Rebat sebanyak 20%
- (iii) Tahun 2028 : Rebat sebanyak 20%
- (c) Tujuan pewujudan bandar baharu ini adalah untuk menyelaraskan pentadbiran tanah dan perancangan pembangunan supaya lebih teratur. Ia tidak mengubah dasar utama Kerajaan Negeri, tetapi kadar cukai tanah akan diselaraskan dengan status baharu kawasan dan bagi memastikan kutipan hasil negeri lebih teratur dan adil.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

25. Terdapat banyak rungutan bahawa pesakit-pesakit yang dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang kehabisan katil yang menyebabkan lama menunggu di kawasan kecemasan sebelum dimasukkan ke wad.
- (a) Apakah Hospital Pulau Pinang menghadapi kekurangan katil?
  - (b) Berapakah jumlah katil keseluruhan yang terdapat di satu-satu wad?
  - (c) Adakah disebabkan pihak hospital menghadapi kekurangan doktor dan staf?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Secara umumnya, Hospital Pulau Pinang (HPP) mempunyai kapasiti katil sebanyak 1163 dan tidak mencukupi bagi menampung bilangan pesakit yang semakin bertambah setiap tahun. Hal ini adalah kerana HPP merupakan sebuah hospital yang menjadi rujukan bagi pelbagai sub kepakaran dan menerima rujukan pesakit dari negeri-negeri jiran, klinik kesihatan dan hospital-hospital lain di Pulau Pinang.

- (b) Jumlah katil di setiap wad Hospital Pulau Pinang adalah berjumlah 1163 dan perincian adalah seperti berikut:

<b>Wad</b>	<b>Bilangan Katil</b>
Pediatrik	169
Perubatan	449
Paliatif	10
Rehabilitasi	10
Radioiodin	5
Pembedahan	236
Rawatan Rapi Dewasa	45
Psikiatrik	74
Obstetrik dan Genokologi	80
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1163</b>

- (c) Kekurangan doktor dan staf kesihatan adalah antara salah satu faktor yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama. Namun, isu ini turut berlaku di negeri-negeri lain akan tetapi perkara ini sedang ditangani dengan usaha sama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pelbagai usaha dan inovasi turut dilakukan termasuk pergerakan anggota kesihatan dilaksanakan secara kluster dalam usaha menghadapi isu kekurangan doktor dan staf kesihatan yang lain.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

26. Setakat hari ini, berapa ramaikah pesakit kanser yang sedang mendapat rawatan di Hospital Besar Pulau Pinang?
- (a) Tahap berapakah pesakit kanser yang ditempatkan di Klinik Jalan Perak?
  - (b) Berapa ramaikah pesakit yang ditempatkan di situ?
  - (c) Berapakah tahap kesembuhan bagi pesakit kanser di klinik tersebut?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Sehingga awal tahun 2025, Jabatan Onkologi dan Radioterapi Hospital Pulau Pinang menerima sekitar 3,000 kes baharu dan 16,700 bagi kes rawatan susulan.
- (a) Di Klinik Kesihatan Jalan Perak, terdapat wad pesakit Paliatif (Kanser Terminal) iaitu pesakit yang mempunyai jangka hayat kurang daripada 3 bulan. Walau bagaimanapun, wad ini turut menerima pesakit yang masih menjalankan rawatan akut tetapi mempunyai gejala yang perlu dirawat seperti sakit, muntah, psikologi dan sebagainya.
  - (b) Bermula tahun 2024 sehingga kini, sejumlah 796 pesakit telah dimasukkan ke Wad Paliatif Klinik Kesihatan Jalan

Perak.

- (c) Tahap kesembuhan pesakit di Wad Paliatif Klinik Kesihatan Jalan Perak adalah rendah di mana rawatan paliatif diberikan kepada pesakit kanser bertujuan bagi mengurangkan kesakitan yang dialami oleh pesakit tersebut seperti sesak nafas dan sebagainya.

Rawatan Paliatif merupakan rawatan bagi pesakit yang terminal (pesakit yang mempunyai jangka hayat kurang daripada 3 bulan). Namun terdapat beberapa pesakit yang masih mempunyai jangka hayat 2 hingga 3 tahun bergantung kepada jenis penyakit, tahap kesihatan, serta keberkesanan rawatan sokongan yang diterima.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(II)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

27. Garis panduan tadika dan taska pada masa kini amat menekan pengusaha-pengusaha, di mana seorang kanak-kanak dikenakan caj RM450 berbanding gaji minima wakil / ibu bapa RM1700.
- (a) Apakah pihak kerajaan tempatan mahu mengkaji semula syarat-syarat yang ditetapkan?
  - (b) Ramai pengusaha mahukan garis panduan ini diringankan supaya situasi menang-menang. Apakah kerajaan mahu mengkaji semula syarat yang ada sekarang?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Kerajaan Negeri di bawah Portfolio Pembangunan Sosial dan Kebajikan amat memahami rintihan dan cabaran yang dihadapi oleh para pengusaha TASKA, TADIKA dan Pusat Jagaan (TTPJ), khususnya berkaitan kadar bayaran yang rendah berbanding kos operasi yang semakin meningkat, termasuk caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bagi menangani isu ini, Pejabat MMK Pembangunan Sosial telah menganjurkan dua sesi Townhall bersama pengusaha dan agensi teknikal pada 2 dan 7 Oktober 2025 melibatkan bahagian Pulau dan Seberang Perai. Sesi ini diadakan bagi mendapatkan cadangan, maklum balas dan mengenal pasti cabaran sebenar di lapangan.

Input yang diterima kemudiannya telah dibincangkan dalam bengkel teknikal bersama semua agensi berkaitan untuk menyemak semula serta menambah baik garis panduan pendaftaran TTPJ agar lebih mesra pengusaha, jelas dan tidak membebankan.

- (b) Dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Taskforce* TTPJ yang saya pengerusikan, semua agensi juga telah diminta tidak melaksanakan sebarang tindakan penguatkuasaan berkaitan lesen sepanjang proses penambahbaikan ini dijalankan, kecuali bagi kes yang melibatkan keselamatan kanak-kanak, di mana tindakan segera perlu diambil. Langkah ini bertujuan memastikan keseimbangan antara aspek penguatkuasaan sambil memperkemas prosedur serta garis panduan sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, MMK Pembangunan Sosial turut mencadangkan agar caj infrastruktur (infra-fee) di bawah PBT dikurangkan atau diberikan diskaun sebanyak 50% bagi semua pengusaha TTPJ sebagai langkah meringankan beban kos. Cadangan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat *Taskforce* TTPJ dan telah dikemukakan kepada EXCO Kerajaan Tempatan untuk pertimbangan lanjut di peringkat Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), memandangkan pelaksanaannya turut melibatkan keperluan dan pertimbangan dari perspektif PBT.

Pada masa ini, penyediaan Garis Panduan Lengkap Pendaftaran TTPJ sedang berada pada peringkat akhir pemuktamadan dan akan dibentangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat MMKN dalam masa terdekat.